

PANDUAN PENGGUNAAN NAMA PAPAN TANDA PREMIS FARMASI KOMUNITI

1. Nama pada papan tanda perlu menunjukkan imej profesional sebagai sebuah premis farmasi. [ruj: Perkara 3.3 *Community Pharmacy Benchmarking Guideline 2016*]
2. Tiada iklan diletakkan pada papan tanda premis. [ruj: Perkara 3.3 *Community Pharmacy Benchmarking Guideline 2016*]
3. Papan tanda mestilah mengandungi elemen pengenalan yang menggambarkan premis farmasi.
4. Logo farmasi komuniti seperti di **Lampiran A** hendaklah dipaparkan pada papan tanda premis farmasi atau di kawasan di mana papan tanda diletakkan.
5. Saiz logo farmasi komuniti adalah sekurang-kurangnya (1 kaki x 1 kaki).
6. Nama yang dipaparkan pada papan tanda mestilah sama seperti yang diluluskan semasa permohonan lesen.
7. Nama syarikat/perniagaan yang didaftarkan dengan Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) perlu dipaparkan. Penggunaan perkataan 'dimiliki oleh' dan lain-lain keperluan (sekiranya ada) tertakluk kepada Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) di negeri masing-masing.

Contoh: **Syarikat Sdn Bhd**

FARMASI ABC
(Dimiliki oleh Syarikat XYZ Sdn Bhd)

Nama dimiliki diletakkan di sebelah bawah

FARMASI ABC
(Dimiliki oleh Syarikat XYZ Sdn Bhd)

Nama dimiliki diletakkan di sebelah kiri atau kanan

Contoh: **Syarikat Enterprise**



8. Tidak menggunakan nama yang menyerupai fasiliti kesihatan yang dikendalikan oleh Kementerian Kesihatan.
Contoh: **Farmasi Kanser Negara, Farmasi Penyelidikan Perubatan**
9. Tidak dibenarkan nama yang memberi maksud terbaik, *over claimed, grandiose, precision*, atau bertaraf antarabangsa.
Contoh: ***international, global, asia, the best*** dan sebagainya.
10. Tidak dibenarkan menggunakan nama yang terlalu *subspecialised*.
Contoh: ***Total Parrenteral Nutrition (TPN) Pharmacy, Pakar Perunding Klinikal*** dan sebagainya.
11. Tidak dibenarkan menggunakan perkataan “Dr./ Doktor” kecuali bagi premis yang pemilik adalah ahli farmasi berdaftar yang mempunyai Ijazah Doktor Falsafah (PhD) dengan paparan pada papan tanda yang dibenarkan adalah Dr.(PhD).

LAMPIRAN A



PHARMACY